



**IKLAN TAWARAN MENGURUS DATARAN DATO' SHAHBANDAR, LUBOK CHINA  
MAJLIS DAERAH REMBAU**

Iklan adalah dipelawa kepada pengusaha-pengusaha perniagaan atau persendirian, Bumiputra (Islam) Warganegara Malaysia yang berminat untuk menyertai tawaran ini bagi mengurus dan mengendalikan aktiviti perniagaan di Dataran Dato' Shahbandar, Lubok China Majlis Daerah Rembau.

2. Borang tawaran boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Rembau secara **percuma** mulai waktu pejabat pada **3 Julai 2014 hingga 11 Julai 2014** dan borang tersebut hendaklah diserahkan ke Pejabat Majlis Daerah Rembau pada atau sebelum jam 5.00 petang 18 Julai 2014.

3. **Harga minima sebutharga bermula dari RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja).** Setiap sebutharga hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja) dalam bentuk wang tunai sahaja. Permohonan tanpa wang pertaruhan tidak dilayan dan dipertimbangkan. Wang pertaruhan akan dikembalikan semula kepada pemohon yang tidak berjaya. Bagi permohonan yang berjaya wang pertaruhan tersebut akan dianggap sebagai sumbangan kepada pihak Majlis. Sebut harga yang tertinggi akan diambil kira.

4. Keputusan Jawatan kuasa sebut harga adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Sekian terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“ RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,

  
(ZAI DI BIN JOHARI)  
Yang DiPertua  
Majlis Daerah Rembau

s.k : Fail Timbul